

Malaysia tidak lagi pinjam daripada Bank Dunia

BH 10 JUL 2001
Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin – Malaysia tidak lagi meminjam daripada Bank Dunia berikutan institusi kewangan antarabangsa yang dikuasai blok negara maju itu mengenakan pelbagai syarat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sebaliknya negara membuat pinjaman dengan institusi lain yang tidak mengenakan syarat tertentu, malah sanggup memberi pinjaman mudah kepada Malaysia.

Tanpa menyebut institusi kewangan itu, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan menegaskan, apa yang penting sekarang ialah menentukan kewangan negara ditadbir dengan cekap supaya Malaysia terus bebas daripada cengkaman kuasa asing.

“Banyak negara membangun yang terpaksa pergi tiap-tiap tahun untuk meminta-minta, untuk mendapat ihsan daripada ‘Paris Club’ dan sebagainya.

“Walaupun dahulu kita biasa hutang daripada Bank Dunia, kini kita tidak lagi perlu meminta hutang pihak ini. Kita berhutang dengan pihak tertentu yang tidak mengenakan syarat kepada, bahkan memberikan pinjaman secara mudah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada maj-

Negara membuat pinjaman dengan institusi lain yang sanggup memberi pinjaman mudah dan tidak mengenakan syarat tertentu

lis perhimpunan bulanan Kementerian Kewangan di Kompleks Kerajaan Jalan Duta, di sini hari ini.

Hadir sama, dua Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh dan Datuk Chan Kong Choy; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Samsudin Hitam dan Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Hashim Ismail serta ketua agensi di bawah kementerian itu.

Perdana Menteri berkata, pihak asing akan terus berusaha untuk memberi tekanan supaya negara terus meminta bantuan mereka, dengan menjadikan Malaysia negara miskin.

“Dengan itu terpaksalah kita meminta pertolongan atau meminta hutang daripada pihak tertentu. Dan apabila kita meminta hutang, kerana kita miskin, maka mereka akan menguasai ekonomi dan kewangan negara kita.

“Sudah tentu kalau mereka menguasai ekonomi dan kewangan negara kita, maka kita tidak lagi dapat

menguasai atau merancang pembangunan seperti yang kita lakukan sejak merdeka.

“Negara ini masih bebas, tidak seperti kebanyakan negara lain yang terpaksa berhutang kepada pihak tertentu. Kita ingin teruskan kebebasan ini. Justeru, amat penting sekali kita mentadbirkan negara kita ini secara cekap dan tersusun,” katanya.

Dr Mahathir berkata, Kementerian Kewangan adalah kementerian yang amat penting kerana ia bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan negara.

Beliau yakin kakitangan kementerian itu tidak akan mengabaikan tugas, sebaliknya mempertingkatkan keupayaan dan menentukan pentadbiran kewangan negara dijalankan secara cekap dan bijak selamalamanya.

Dengan itu, katanya, mereka dapat membantu menyelamatkan negara pada dalam zaman globalisasi ini daripada dikuasai kuasa asing.